

**BENGKEL SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) PENTADBIRAN
SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG SIRI 3 TAHUN 2024**

KUANTAN - Unit Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dengan kerjasama Biro Pengaduan Awam (BPA) Pahang telah mengadakan Bengkel SISPAA Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang Siri 3 Tahun 2024 pada 3 hingga 4 September 2024 bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Makmal Komputer ICT Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.

Seramai 42 orang peserta dari Pejabat Daerah dan Tanah serta Badan Berkanun Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang menghadiri bengkel ini. Bengkel ini dikendalikan oleh seorang penceramah iaitu Encik Ahmad Nasrullah bin Abdul Halim, Penolong Pengarah BPA Pahang.

Pelaksanaan bengkel ini diadakan bertujuan supaya pegawai yang dilantik oleh jabatan dan Agensi dapat memahami fungsi, ciri-ciri dan mengaplikasikan penggunaan SISPAA juga memperbaiki mutu perkhidmatan dan penyampaian dari semasa ke semasa dalam menguruskan aduan awam di bahagian mengikut tatacara yang betul dan tepat.

Semoga bengkel ini dapat meningkatkan keupayaan, kecekapan dan keberkesanan pengurusan aduan melalui SISPAA seterusnya dapat menambahbaik keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

#PahangGO

Oleh : Seksyen Perhubungan Awam, Unit Korporat, Wisma Sri Pahang

Foto : Sumber UKORP



